



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Warga LGM
Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/KP/KUPSM/027
Tarikh : 23 Oktober 2020

KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 15 TAHUN 2020

PENGGUNAAN MASA BEKERJA DARI RUMAH (BDR) SECARA OPTIMUM

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Selaras dengan arahan Pekeliling Pentadbiran Ketua Pengarah Bilangan 37 Tahun 2020, bermula 22 Oktober 2020 sehingga pelaksanaan Perintah Kawalan Pengerakan Bersyarat (PKPB) ditamatkan, semua warga LGM diingatkan untuk **menggunakan masa Bekerja Dari Rumah (BDR) secara optimum** dan wajib melaksanakan tugas-tugas yang diberikan dengan penuh tanggungjawab dan amanah.

3. Antara tugas-tugas yang dicadangkan boleh dilaksanakan oleh warga LGM yang Bekerja Dari Rumah (BDR) adalah seperti berikut:

- i. Menyiapkan / menyemak Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2020;
- ii. Mengemaskini maklumat peribadi, perisytiharan harta dan lain-lain yang berkaitan dalam Sistem HRMIS;
- iii. Menyemak rekod cuti anggota (seperti baki cuti / gantian cuti rehat dan lain-lain yang berkaitan isu cuti);
- iv. Mengemaskini maklumat e-Klaim;
- v. Kursus *e-Learning* / Webinar untuk mencukupkan tempoh berkurus (minimum satu hari);
- vi. Menghadiri mesyuarat rasmi LGM secara atas talian (*online*);
- vii. Penyediaan laporan penerbitan / laporan penyelidikan / penulisan cadangan penyelidikan / *literature review* / analisis data; dan
- viii. Tugas-tugas hakiki yang lain.

4. Walau bagaimanapun, keutamaan tugas-tugas sepanjang BDR masih tertakluk kepada arahan yang ditetapkan oleh Ketua Unit masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”

(IRWAN HARIS BIN ZAINAL ABIDIN)